



SIARAN MEDIA
BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG
SESI PENGAJIAN 2017/2018
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Permohonan penajaan Biasiswa Yang di-Pertuan Agong (BYDPA) Sesi Pengajian 2017/2018 boleh dibuat dengan mengisi borang secara dalam talian (*on-line*) melalui portal www.jpa.gov.my atau <http://esilav2.jpa.gov.my> mulai **jam 5.00 petang, 08 Februari 2017 (Rabu)** sehingga tarikh tutup permohonan *on-line* dan tarikh akhir penyerahan borang permohonan juga ialah pada **3 Mac 2017 (Jumaat)**.

Biasiswa Yang di-Pertuan Agong (BYDPA) menawarkan sebanyak 12 biasiswa iaitu enam (6) di peringkat Sarjana dan enam (6) di peringkat Ph.D untuk calon mengikuti pengajian dalam bidang **Sains dan Teknologi, Ekonomi, Undang-Undang dan Kewangan Islam**. Program ini merupakan satu bentuk pelaburan Pembangunan Modal Insan yang akan menyumbang kepada pembangunan negara.

Keutamaan diberikan kepada calon yang mendapat **keputusan akademik yang amat cemerlang** iaitu **CGPA sekurang-kurangnya 3.75 atau kelas pertama atau setaraf dengannya di peringkat Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana**. Calon hendaklah mempunyai keupayaan yang luar biasa seperti penguasaan pelbagai bahasa, kebolehan yang istimewa, aktif dalam aktiviti kemasyarakatan atau menghasilkan kerja-

kerja kreatif dan inovatif, serta **telah mendapat tempat di universiti penyelidikan tempatan atau di universiti terkemuka di dunia**. Calon-calon yang layak dan berjaya disenarai pendek akan melalui proses pemilihan termasuk temuduga.

Syarat-syarat kelayakan secara khusus adalah seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur tidak melebihi 35 tahun pada tahun memulakan pengajian;
- iii. Memiliki Ijazah Sarjana Muda / Sarjana yang diiktiraf oleh Kerajaan dengan pencapaian CGPA minimum 3.75 atau kelas pertama atau setaraf dengannya;
- iv. Aktif dalam kegiatan ko-kurikulum atau aktiviti kemasyarakatan atau menghasilkan kerja-kerja kreatif dan inovatif;
- v. Mahir dalam lebih daripada satu bahasa antarabangsa; dan
- vi. Telah mendapat tempat pengajian di universiti penyelidikan tempatan atau di universiti terkemuka di dunia.

Penerima Biasiswa Yang di-Pertuan Agong adalah **terikat untuk berkhidmat di Malaysia untuk tempoh tidak kurang dari lima (5) tahun**. Oleh itu, penerima biasiswa yang telah menamatkan pengajian di luar negara **diwajibkan pulang ke tanahair selepas tamat tempoh tajaan**.

Sebarang maklumat lanjut mengenai penawaran ini boleh diperolehi dengan melayari portal www.jpa.gov.my atau <http://esilav2.jpa.gov.my> atau menghubungi talian 03-88853546/ 3569/ 3879 atau dengan

mengunjungi kaunter **1SERVE JPA4U** di **Blok C2, Kompleks C, Jabatan Perkhidmatan Awam** dari jam **8.30 pagi hingga 5.30 petang.**

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Putrajaya

Tarikh : 7 Februari 2017

Tel : 03 – 8885 3830 / 3088

Emel : komunikasi@jpa.gov.my

No. Ruj : JPA.PK.231/9/1 Klt.4 (9)